

**KEPENTINGAN JATI DIRI DALAM MENGURUS CABARAN DAKWAH
MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: ANALISIS TERHADAP KISAH
NABI IBRAHIM AS.**

***THE IMPORTANCE OF PERSONALITY IN MANAGING DA'WAH
CHALLENGES ACCORDING TO AL-QURAN PERSPECTIVE: ANALYSIS
OF THE STORY OF IBRAHIM AS.***

Nurzatil Ismah binti Azizan¹, Mohd Yakub @ Zulkilfi Mohd Yusoff ²

¹ Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
nurzatil@kuis.edu.my

² Profesor, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
zulkifli@um.edu.my

*Penulis penghubung : Nurzatil Ismah binti Azizan

Artikel diterima: 26 Mei 2020

| Selepas Pembetulan: 22 Jun 2020

| Diterima untuk terbit: 2 Julai 2020

ABSTRAK

Cabaran dalam penyampaian dakwah memerlukan jati diri yang utuh supaya tidak berputus asa atas ujian yang dihadapi. Kisah dakwah Nabi Ibrahim AS wajar dijadikan sandaran dalam menyampaikan dakwah Islam. Penulisan ini akan membincangkan berkenaan kepentingan jati diri dalam menghadapi cabaran dakwah khusus dengan merujuk kepada kisah Nabi Ibrahim AS. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan reka bentuk pensejarahan (analisis kandungan). Instrumen kajian yang digunakan ialah dokumen, ianya dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati Nabi Ibrahim AS mempunyai jati diri yang hebat apabila berani menyampaikan dakwah kepada pemimpin yang zalim iaitu Raja Namrudh, Keberanian menegur ayah Baginda AS supaya beriman kepada Allah SWT sedangkan ayah Baginda AS adalah seorang pengukir patung berhala. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan akal yang bijak sehingga mampu berhujah dengan ayahnya tentang tuhan, tawakkal yang tinggi ketika mengajak kaumnya berfikir akan kesesatan penyembahan berhala. Jati diri yang dilihat amat hebat apabila Baginda AS berani menghancurkan berhala sembahkan kaumnya, patuh suruhan Allah supaya membina ka'abah. Ianya jelas bahawa jati diri penting dalam mengurus cabaran dakwah.

Kata Kunci: *Kepentingan Jati Diri, Mengurus cabaran dakwah, al-Quran, Nabi Ibrahim AS.*

Abstract

The challenge in preaching the Da'wah requires strong personality so as not to give up on the tests faced. The story of Ibrahim AS ought to be a backup in conveying Islamic Da'wah. This writing will discuss the importance of personality in the face of a specific Da'wah challenge by referring to the story of Ibrahim AS. This study shaped qualitative study with the design of a synthesized (content analysis). The instrument of study used is a document, which is analysed with a missed approach. The result of the study found that the prophet Ibrahim had great personality when brave to convey preaching to the wrongdoers, King Namrudh, bravery to say the truth to his father, to be faithful to Allah SWT while his father was a carvers statue of Idols. Have a high confidence and clever sense to be able to argue with his father of God, a high tawakkal while making her people think will be astray worship Idol. The personality was very great when he was brave in crushing his people, obedient God's instruction to build Ka'abah. It is clear that the personality is importance in managing the challenges of preaching.

Keyword: *The Importance Of Personality, Managing Da'wah Challenges, Quran, Ibrahim As.*

1. Pendahuluan

Dakwah yang dilalui dalam menyampaikan ajaran Islam mempunyai pelbagai cabaran. Untuk mendapat kekuatan dalam menyampaikan dakwah perlu kepada jati diri yang utuh supaya mampu menghadapi cabaran dakwah dengan keyakinan bahawa Allah SWT akan membantu dalam menyampaikan risalah Islam. Ia diikuti dengan pengetahuan berkenaan kaedah dakwah yang berkesan dengan penggunaan pelbagai metode.

Perbincangan berkenaan jati diri menemui bahawa jati bermaksud asli, murni, tulen dan tidak bercampur. Diri membawa pula makna seseorang atau empunya badan (Kamus Dewan, 2015). Daripada dua perkataan tersebut jati diri membawa makna sifat atau keistimewaan sama ada dari segi adat, bahasa, budaya dan agama yang boleh menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Termasuk dalam makna jati diri ialah sifat atau ciri-ciri atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut (Ahmad Mohamad, 2009). Jati diri masyarakat Islam perlu dibentuk mengikut acuan nilai-nilai Islam. Al-Quran memaparkan pelbagai kisah yang dapat dijadikan iktibar berkenaan cabaran dakwah yang diatasi dengan jati diri yang utuh.

Cabaran dakwah Islam kepada masyarakat pada masa kini amat memerlukan jati diri yang utuh supaya tidak berputus asa dalam menyampaikan dakwah. Kisah Nabi Ibrahim AS wajar dijadikan panduan dalam melihat kepentingan jati diri seseorang dalam menghadapi cabaran dakwah yang terdapat dalam al-Quran. Nabi Ibrahim AS menghadapi cabaran dakwah yang berat atas usaha Baginda AS kepada ayahnya sendiri (merupakan seorang pengukir patung), dakwah kepada Raja Namrudh serta dakwah kepada masyarakat pada masa tersebut supaya beriman kepada Allah SWT. Perbincangan penulis dalam penulisan artikel ini berkisar

berkenaan cabaran dakwah yang dihadapi oleh Baginda AS dalam menyampaikan risalah Islam.

2. Latarbelakang Nabi Ibrahim AS

Nama penuh Nabi Ibrahim AS ialah Ibrahim bin Azar (Tarikh) bin Tahir bin Saruj bin Rau' bin Falij bin Abir bin Shalih bin Arfakhsyad bin Sam bin Nuh AS. Menurut Ibnu Kathir nama lengkapnya adalah Ibrahim bin Tarikh bin Nahur bin Sarugh bin Raghu bin Faligh bin Abir bin Shalih bin Arfakhsyadz bin Sam bin Nuh AS. Isteri Nabi Ibrahim AS yang pertama adalah Sarah, manakala isteri yang kedua adalah Hajar. Anak-anak Baginda AS adalah Nabi Ismail AS anak daripada Hajar, dan Nabi Ishaq AS anak daripada Sarah. Nabi Ishaq AS mempunyai anak iaitu Nabi Ya'qub AS dan Nabi Ya'qub mempunyai anak iaitu Nabi Yusuf AS. Dan dari keturunan Nabi Ismail AS lahir Nabi Muhammad SAW (Imam Mashudi, 2016).

Nabi Ibrahim AS dilahirkan di sebuah tempat bernama Faddam A'ram yang diperintah oleh Raja Namrudh bin Kanna'an yang terletak di dalam kawasan kerajaan Babilonia. Nabi Ibrahim AS digelar sebagai *Khalil Allah* iaitu kesayangan Allah. Baginda AS bersama anaknya Nabi Ismail AS membina semula *baitullah*. Nabi Ibrahim AS diangkat menjadi nabi yang diutus untuk kaum Kaldān yang terletak di kota Ur, negeri yang kini dikenali dengan Iraq. Manakala nama Nabi Ibrahim AS disebut sebanyak 69 kali dalam Al-Quran (Zainol, 2017).

Nabi Ibrahim AS merupakan diantara 25 orang rasul yang diutuskan oleh Allah SWT sepanjang kehidupan manusia. Baginda AS hidup pada zaman Raja Namrudh terkenal dalam sejarah sebagai seorang raja diktator, malah mengaku dirinya sebagai Tuhan. Ia kesesatan yang nyata dalam diri seorang raja pada masa tersebut. Masyarakat pada zaman Nabi Ibrahim AS tidak mempunyai tahap pemikiran yang bebas dan benar kerana latar belakang keluarga yang sama sekali tidak mementingkan nilai-nilai tauhid (Ismail, 2011).

Nabi Ibrahim AS lahir dalam keadaan masyarakat tidak mempunyai nilai tauhid dalam kehidupan. Ayah Baginda AS iaitu Azar merupakan seorang penyembah berhala dan ahli pengukir patung, patung yang diukir tersebut kemudian menjadi alat sembahyan masyarakat setempat. Nabi Ibrahim AS lahir di tengah masyarakat musyrik bagi membetulkan akidah supaya beriman kepada Allah SWT. Masyarakat pada zaman tersebut mempunyai kepercayaan yang meluas terhadap ahli nujum (Ismail, 2011) dan juga mempunyai banyak tuhan dalam bentuk patung berhala (Qurratul, 2017).

Nabi Ibrahim AS dalam al-Quran digambarkan sebagai seorang nabi yang mempunyai akhlak terpuji iaitu seorang yang penyabar (Surah al-Tawbah 9:114), berpegang teguh dengan janji dan tidak khianat (Surah al-Najm 53:37), taat serta teguh dengan tauhid disamping seorang yang bersyukur dengan nikmat yang telah Allah SWT berikan kepadanya (Surah al-Nah 120-121), seorang yang banyak memohon keampunan daripada Allah SWT serta merendah diri (Surah Hud 75).

Dengan akhlak dan keimanan kepada Allah SWT menjadikan Baginda AS mampu menghadapi cabaran dakwah dalam kehidupan baginda.

3. Kepentingan Jati Diri Dalam Mengurus Cabaran Dakwah Menurut Perspektif al-Quran

Al-Quran memaparkan cabaran dakwah yang hebat berlaku kepada Nabi Ibrahim AS. Ia tidak hanya cabaran dalam menyampaikan risalah Islam sahaja namun meliputi cabaran mengawal emosi. Ia berikutan dakwah pertama yang dilakukan oleh Baginda AS ialah berdakwah kepada ayahnya sendiri supaya beriman kepada Allah SWT. Ayah Baginda AS adalah seorang yang berpengaruh dan pembuat berhala. Ditambah dengan cabaran lain iaitu cabaran berdakwah kepada raja pada masa tersebut iaitu Raja Namrudh yang terkenal dengan kezaliman. Beliau mengaku bahawa beliau dapat menghidup dan mematikan makhluk. Usaha dakwah Nabi Ibrahim AS diteruskan dengan dakwah Baginda AS kepada masyarakat Syam yang menyembah cekrawala di langit seperti bintang, bulan dan matahari. (Qurrotul, 2017).

Baginda AS menyelesaikan cabaran dakwah dengan memerhati apa yang dilakukan oleh Mad'u. Ia penting supaya dapat memahami perbuatan atau amalan yang dilakukan sebelum memberi teguran. Antara lain ianya dilakukan dengan bertanya perbuatan tersebut, dengan pertanyaan akan menjadikan seseorang berfikir perbuatan yang dilakukan wajar atau sebaliknya. Baginda AS juga melakukan eksperimen iaitu melihat berhala yang disembah oleh kaum pada masa tersebut yang tidak mampu memberi manfaat dan mudarat seterusnya mengolah informasi yang diterima daripada lapangan kajian akibat daripada penyembahan berhala tersebut. Baginda AS seterusnya membina jaringan komunikasi dengan mad'u hasil daripada penelitian yang mendalam terhadap amalan penyembahan berhala tersebut (Qurrotul, 2017).

Nabi Ibrahim AS dalam proses dakwah Baginda AS menggunakan beberapa manhaj iaitu menjadikan dirinya sebagai Qudwah Hasanah (ikutan yang baik), berlembut dalam melakukan dakwah, memulakan dakwah kepada kaum keluarga terdekat, memberi amaran dan ancaman, melakukan sesuatu selaras dengan apa yang diucapkan, berhujjah dengan bijak dan berani, berhijrah, mengasingkan diri, bersegera melaksanakan perintah Allah SWT serta berdoa dan mengadu kepada Allah SWT (Rohaily & Nor Raudah, 2018).

Jati diri terbentuk melalui proses perjalanan kehidupan, menilai ilmu pengetahuan, pengamalan, pengalaman dalam diri (Mohd Ghazali, 2015). Ilmu penting sebagai bekalan dalam mencapai kesempurnaan aspek kerohanian dalam diri seseorang. Dengan ilmu ia membawa manusia merasa takut kepada Allah SWT kesan daripada mengenal Allah SWT seterusnya melakukan ibadah kepada Allah SWT dan melahirkan ketaatan kepada Allah SWT (Zulkiple, 2006).

Pengkaji dalam menganalisis jati diri di dalam al-Quran meneliti kisah Nabi Ibrahim AS sebagai panduan asas pembentukan jati diri muslim dalam menghadapi cabaran dakwah. Perkara yang akan diberi penekanan dalam meneliti kisah-kisah di dalam

al-Quran ialah sifat atau watak asli yang terdapat dalam diri. Pendekatan analisis kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Quran ini perlu diteliti dalam memperoleh sebanyak mungkin aspek tarbiyyah dalam membentuk jati diri bersesuaian dengan apa yang disebutkan oleh ilmuan Islam yang terkemuka dalam bidang pendidikan iaitu Dr. Mustafa Rajab dalam bukunya *Fi Huwiyah al-Tarbiyyah al-Islamiah wa Manhajitua*. Antara pendekatan tarbiyyah di dalam al-Quran ialah membawa kisah-kisah perumpamaan dengan tujuan mendidik manusia. Uslub yang terdapat dalam kisah-kisah al-Quran merupakan aspek pendidikan yang kuat dan dapat memberi kesan kepada jiwa-jiwa manusia. Kisah-kisah dalam al-Quran terdapat kesenian yang tersendiri dan dapat membina adab (Mustafa, 2008). Dengan itu, wajar mendalami kisah-kisah di dalam al-Quran untuk memperoleh teori pembentukan jati diri bagi membantu masyarakat Islam memahami kepentingan jati diri dalam menghadapi cabaran dakwah.

Al-Quran memaparkan pelbagai aspek bagi kehidupan manusia, antaranya kisah-kisah para nabi supaya manusia dapat mengambil manfaat dan pengajaran daripada kisah-kisah tersebut. Antara kisah yang banyak dinukilkan dalam al-Quran ialah kisah Nabi Ibrahim AS. Terdapat 69 kalimah Ibrahim dalam al-Quran dalam 25 surah (Muhammad Fuad, 2001). Malah terdapat satu surah dengan nama Surah Ibrahim. Pelbagai penekanan kisah dibawakan seperti dakwah Baginda AS kepada masyarakat pada masa tersebut, keimanan kepada Allah SWT, pengorbanan dalam menyebarkan syiar Islam dan pelbagai kisah menarik yang wajar dijadikan panduan oleh masyarakat pada masa kini.

Proses membentuk jati diri sangat berkait rapat dengan tarbiyyah yang diterima dalam kehidupan seharian. Tarbiyyah meliputi pembaikan, pengislahan, pembangunan insan, pendidikan dan pengasuhan. Manakala menurut Dr Khalid al-Hazimi menyatakan bahawa tarbiyyah meliputi pengislahan, pendidikan adab, latihan menghindari dosa, penyucian jiwa dan pembinaan insaniah (Muhammad Alihanafiah, 2013). Berikut merupakan bukti kepentingan jati diri Nabi Ibrahim AS yang dinyatakan dalam al-Quran dalam menghadapi cabaran dakwah Baginda AS.

3.1 Kepentingan Jati Diri Dalam Menghadapi Cabaran Dakwah Terhadap Pemimpin

Nabi Ibrahim AS seorang yang mempunyai jati diri yang berani sehingga beliau mampu menyampaikan dakwah kepada Raja Namrudh supaya beriman kepada Allah SWT. Namrudh disebut sebagai salah seorang daripada empat raja dunia. Beliau memerintah selama 400 tahun dengan penuh kezaliman. Beliau hidup dalam kesesatan, terpesong dari kebenaran, tidak mensyukuri nikmat, takbur dan mengakui dirinya sebagai Tuhan.

Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ حَاجَّ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ أَنْ آتَاهُ اللَّهُ الْمُلْكَ إِذْ قَالَ
إِبْرَاهِيمَ رَبِّيَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا أُحْيِي وَأُمِيتُ ۖ قَالَ إِبْرَاهِيمَ هَؤُلَاءِ مِمَّنْ
يَاثُرُونَ بِالشَّمْسِ مِنَ آلِ شَمْسٍ فَأَتَتْ بِهَا مِنْ آلِ مَعْرِبٍ أَلَّذِي كَفَرُوا ۖ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٢٥٨﴾

Maksudnya: Tidakkan engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata : 'Tuhanku ialah yang menghidupkan dan yang mematikan' Ia menjawab: Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan. Nabi Ibrahim berkata lagi 'sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat. Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim.

Surah al-Baqarah : (2): 258

Menurut Al-Sam'ani (1997) beliau merupakan orang yang pertama di dunia ini yang mengaku dirinya sebagai tuhan. Ayat ini juga mengisahkan ketika masyarakat arab sedang meraikan perayaan mereka, Nabi Ibrahim AS telah masuk ke kawasan berhala dan menghapuskan semua berhala. Kebiasaan masyarakat apabila bertemu dengan Namrudh akan menyembah beliau, namun Nabi Ibrahim AS tidak melakukan demikian. Ia menyebabkan Namrudh bertanya kepada Baginda AS sebab tidak menyembah Namrudh, dan Baginda AS menyatakan bahawa ia hanya menyembah Allah SWT (Samarqandi, bahr al-'Ulum).

Dakwah yang disampaikan oleh Nabi Ibrahim AS menunjukkan bahawa Baginda AS mempunyai jati diri memberi petunjuk, sifat yang benar dan membawa masyarakat kepada penghayatan Islam. Ia dibuktikan dengan ayat al-Quran tersebut.

Firman Allah SWT:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi Ibrahim adalah seorang imam yang dapat dijadikan teladan lagi patuh kepada Allah dan hanif. Dan sekali-kali bukanlah dia termasuk orang-orang yang menyekutukan (Allah).

Al-Nahlu (16):120

Maksud Nabi Ibrahim AS sebagai *ummatan* membawa makna ia sebagai seorang yang beriman yang menyatukan masyarakat, diberi hidayah dan mengikut sunnah, serta mempunyai sifat benar (Ibn Abi Hatim, 2006). Nabi Ibrahim AS ialah pemimpin dalam kebaikan, taat dan patuh kepada Allah dan tidak mensyirikkan Allah ('Abd Allah Khayyat, t.t). Baginda AS dengan tegas menentang masyarakat

pada masa tersebut yang menyembah berhala sebagai tuhan mereka dan berusaha untuk membuktikan bahawa berhala sama sekali tidak dapat memberi manfaat dan mudarat serta membuktikan bahawa tiada yang mampu menandingi kuasa Allah SWT. Pada masa tersebut hanya baginda AS yang beriman kepada Allah manakala yang lain kufur kepada Allah SWT (Al-Baghawi, 2002).

Daripada kisah tersebut jelas bahawa jati diri manusia dibina melalui pengamalan seseorang iaitu dengan menghubungkan diri seseorang dengan Allah SWT. Aspek ini adalah berkait rapat dengan ketaatan kepada Allah SWT (Wan Nor Adibah, 2015). Taat kepada Allah SWT dalam meninggalkan dosa, taat dalam melaksanakan suruhan dan taat dalam melaksanakan perintah Allah SWT.

Ketaatan akan melahirkan rasa takut kepada Allah SWT, iaitu rasa gementar dan rasa gerun dengan kekuatan dan kebesaran Allah SWT serta takutkan kemurkaanNya dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Seseorang itu tidak akan merasai takut kepada Allah SWT jika tidak mengenalNya. Menenal Allah SWT ialah dengan mengetahui sifat-sifat ketuhanan dan sifat-sifat kesempurnaan bagi zatNya. Dengan mengetahui kedudukan Allah SWT, manusia akan mengetahui perkara yang mendorong ketaatan kepada Allah SWT. Hasil ketaatan kepada Allah SWT menjadikan Nabi Ibrahim AS tekad menyampaikan dakwah kepada pemimpin.

3.2 Kepentingan Jati Diri Dalam Menghadapi Cabaran Dakwah Kepada Keluarga

Proses dakwah Nabi Ibrahim AS kepada ayahnya dilihat meliputi beberapa aspek iaitu niat dan panggilan yang baik, persoalan yang logik ketika berbahas, unsur targhib dan tabsyir, serta unsur targhib dan tanzir (Husna, 2018). Dakwah Baginda AS kepada ayahnya mempunyai cabaran tersendiri kerana ayahnya seorang pengukir patung. Tidak mudah memberi keyakinan bagi menukar kepercayaan yang telah lama dianuti untuk beriman kepada Allah SWT. Malahan cabaran yang lebih besar adalah cabaran emosi kerana mempunyai hubungan darah dan perasaan. Usaha dakwah Baginda AS dapat dilihat dalam ayat tersebut:

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْءٌ ۚ ٤٢ يَا أَبَتِ إِنِّي قَدْ جَاءَنِي مِنَ اللَّهِ عَلِيمٌ ۚ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي ۖ أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا ۚ ٤٣ يَا أَبَتِ لَا تَعْبُدِ الشَّيْءَ طِنًا ۚ إِنَّ الشَّيْءَ طِنٌ كَانَ لِلرَّحْمَنِ غَصِيًّا ۚ ٤٤ يَا أَبَتِ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْءِ طِنًا وَلِيًّا ۚ ٤٥

Maksudnya: Ingatlah ketika ia berkata kepada bapanya; "Wahai bapaku, mengapa kamu menyembah sesuatu yang tidak mendengar, tidak melihat dan tidak dapat menolong kamu sedikitpun. Wahai bapaku, sesungguhnya telah datang kepadaku sebahagian ilmu pengetahuan yang tidak datang kepadamu, maka ikutilah aku, niscaya aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang lurus. Wahai bapaku, janganlah kamu menyembah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu durhaka kepada

Tuhan Yang Maha Pemurah. Wahai bapakku, sesungguhnya aku khawatir bahawa kamu akan ditimpa azab dari Tuhan Yang Maha Pemurah, maka kamu menjadi kawan bagi syaitan"

Surah Maryam (19):42-45

Nabi Ibrahim AS menyatakan kepada ayahnya bahawa menyembah berhala itu tidak bermanfaat dan tidak mencegah daripada bahaya, Walaupun Nabi Ibrahim AS lebih muda kerana merupakan anak, namun Baginda AS mengetahui sesuatu yang tidak diketahui oleh bapa Baginda AS. Nabi Ibrahim melarang ayahnya menyembah berhala kerana syaitan yang menyeru kepada penyembahan berhala. Ia menentang dan sombong kepada Allah SW, ia wajar ditolak dan dijauhi. Bahkan syaitan sama sekali tidak dapat menyelamatkan melainkan akan mendapat azab daripada Allah SWT (Ibn Kathir, 2006).

Nabi Ibrahim AS dilihat berdakwah kepada ayahnya dengan hikmah iaitu dengan memohon supaya berfikir akan berhala yang disembah tidak mampu mendatangkan kebaikan dan keburukan. Ia merupakan kaedah yang baik dengan menggunakan akal yang Allah SWT kurniakan supaya dapat membezakan antara kebenaran dan kepalsuan (Mohd Sabir, 2018). Ia juga menunjukkan keberanian Baginda AS yang mampu menegur ayahnya berkenaan hal yang utama dalam kehidupan iaitu kepercayaan kepada kuasa yang diyakini mengawal kehidupan manusia.

Baginda AS diusir malah dakwah Baginda tidak diterima oleh ayahnya, namun Baginda AS tidak mengeluarkan kata-kata yang kesat kepada ayahnya. Malah ayahnya mengancam untuk disakiti serta diusir keluar daripada negeri (Mohd Sabir, 2018). Keberanian Nabi Ibrahim AS juga jelas apabila memusnahkan berhala yang disembah oleh kaumnya. Ia dinyatakan dalam al-Quran

فَرَاغَ إِلَىٰ آلِهِمُ ۖ فَقَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ ۙ ٩١ مَا لَكُمْ ۖ لَا تَنْطِقُونَ ۙ ٩٢ فَرَاغَ عَلَيْهِمْ ضَرْبًا
بِأَلِّ يَمِينٍ ۙ ٩٣

Maksudnya: Kemudian ia pergi dengan diam-diam kepada berhala-berhala mereka; lalu ia berkata: "Apakah kamu tidak makan. Kenapa kamu tidak menjawab? Lalu dihadapinya berhala-berhala itu sambil memukulnya dengan tangan kanannya (dengan kuat)

Surah al-Saffat (37): 91-93.

Menurut Farra' ia mendekatkan diri kepada berhala dan memukul dengan tangan kanan, ia kerana memukul dengan tangan kanan lebih kuat dan kerosakan lebih besar. Dan hasilnya berhala tersebut hancur menjadi kepingan kecuali berhala yang paling besar. Malah Baginda AS mempersoalkan kaumnya memahat berhala dan kemudian menjadikan alat sembah (Ibn Kathir, 2006).

Baginda AS menghancurkan berhala yang kecil dan meletakkan kapak pada leher berhala yang besar. Apabila kaumnya pulang daripada merayakan peraihan mereka terkejut melihat berhala musnah, mereka yakin Nabi Ibrahim AS yang

memusnahkan berhala tersebut kerana Baginda AS sahaja yang tidak hadir majlis tersebut (Mohd Sabir, 2018).

Keberanian Nabi Ibrahim AS juga jelas kelihatan ketika Baginda AS berhujah dengan Raja Namrud. Baginda AS hanya seorang remaja yang tidak mempunyai pengikut dan satu-satunya remaja yang menyembah Allah SWT dan mencabar ketuhanan Namrud (Syaari, 2019). Kisah yang dinyatakan tersebut jelas menunjukkan Nabi Ibrahim AS membentuk jati diri dengan keberanian menyatakan kebenaran.

3.3 Kepentingan Jati Diri Dalam Menghadapi Cabaran Dakwah Kepada Masyarakat

Nabi Ibrahim AS menyeru masyarakat pada masa tersebut supaya menyembah Allah SWT, tidak menyekutukannya dengan sesuatu yang lain. Dakwah Baginda AS kepada masyarakat setempat dengan jati diri taat kepada Allah SWT serta tawakkal yang tinggi atas usaha Baginda AS. Baginda AS berdoa kepada Allah SWT supaya keturunan Baginda AS dijauhi daripada menyembah berhala.

Firman Allah SWT:

وَابْرَاهِيمَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاتَّقُوهُ ۖ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ibrahim, ketika ia berkata kepada kaumnya: "Sembahlah kamu akan Allah dan bertaqwalah kepadaNya; yang demikian itu adalah baik bagi kamu jika kamu tahu (membezakan yang baik dari yang buruk).

Surah al-Ankabut (29):16

Ibn Jarir al-Tabari dalam menyatakan bahawa Nabi Ibrahim menyatakan kepada kaumnya supaya menyembah Allah tanpa menyekutukannya dengan patung dan berhala. Seseungguhnya tidak ada tuhan selain daripada Allah SWT. Takutlah kepada Allah dengan menjauhi maksiat. Takutlah akan kemurkaan Allah, dan azabnya (Sa'di, 2002) Penggunaan istilah *sanam* ialah patung diperbuat daripada emas, perak, tembaga. Manakala istilah *wathan* ialah diperbuat daripada batu (Qurtubi, 2006).

Ayat tersebut menunjukkan usaha dakwah Nabi Ibrahim AS kepada masyarakat supaya beriman kepada Allah SWT. Keimanan kepada Allah SWT akan menjadikan seseorang dapat membezakan antara yang hak dan yang batil. Ia membantu manusia mengenali Allah SWT seterusnya mencapai keimanan kepada Allah SWT. Baginda AS meletakkan sifat tawakkal yang tinggi dalam menyampaikan dakwah baginda. Sifat tawakkal tidak hanya dilihat ketika menyampaikan dakwah, malah dalam mengurus emosi dalam urusan kekeluargaan serta pembinaan ka'abah.

Tawakkal Nabi Ibrahim AS jelas dilihat apabila Baginda AS taat kepada Allah SWT apabila Baginda AS diperintahkan supaya meninggalkan isteri Hajar dan Ismail

yang masih kecil di tanah yang kering serta bukan laluan utama pedagang, namun Baginda AS patuh dan taat akan perintah Allah SWT (Mohd Sabir, 2018). Malah ketaatan Baginda AS jelas dilihat apabila membina ka'abah atas bantuan dan pertolongan Allah SWT. Allah SWT mengajar Baginda AS melakukan ketaatan kepada Allah SWT dengan tawaf, iktikaf dan solat.

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا وَاجْعَلْ نَبِيَّيَ بْنَ نَعْتِ الْاَصْنَامِ

٣٥

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berkata: "Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini (Mekah), negeri yang aman, dan jauhkanlah aku beserta anak cucuku daripada menyembah berhala-berhala

Surah Ibrahim (14):35

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah SWT membantah dan menegaskan kepada masyarakat musyrik Arab bahawa tanah haram (Mekah) hanya diperuntukkan untuk beribadat kepada Allah SWT semata-mata tanpa menyekutukannya. Nabi Ibrahim AS orang yang pertama menjadikan daerah tersebut berpenghuni dan Baginda AS berlepas diri daripada menyembah selain daripada Allah SWT (Ibnu Kathir, 2006). Ia menunjukkan sifat tawakkal iaitu selepas berusaha memberi pengajaran kepada kaumnya supaya beriman kepada Allah SWT, Nabi Ibrahim AS tidak perlu lagi menanggung amalan syirik yang diamalkan oleh kaumnya. Malah sifat tawakkal juga dilihat dalam diri Nabi Ibrahim AS ketika Baginda AS meninggalkan isteri dan anaknya di tempat yang kering dan tiada sumber makanan. Ia wajar dijadikan aspek pembentukan jati diri dalam diri umat Islam masa kini dalam membina tawakkal kepada Allah SWT khususnya dalam usaha menyampaikan dakwah Islam.

4. Kesimpulan

Nabi Ibrahim AS merupakan ikon dakwah yang hebat serta memberi panduan bahawa cabaran dakwah boleh diatasi dengan jati diri yang utuh. Nabi Ibrahim AS membuktikan bahawa Baginda AS mampu menghadapi cabaran dakwah kepada pemimpin dengan keutuhan jati diri berani dan bercakap perkara yang benar walaupun dengan pemimpin yang tinggi darjatnya. Ia diikuti dengan dakwah Baginda kepada ayahnya, cabaran lebih besar apabila ayahnya merupakan pengukir patung yang disembah oleh masyarakat pada masa tersebut. Baginda menghadapi cabaran ini dengan jati diri yang ada padanya iaitu berhikmah dan tidak mengeluarkan kata-kata yang kesat. Ia wajar dicontohi oleh semua dalam menyampaikan dakwah terutama kepada ahli keluarga. Manakala cabaran dakwah kepada masyarakat diatasi dengan jati diri sifat tawakkal yang tinggi supaya terus berusaha dan tidak berputus asa dalam menyampaikan dakwah Islam. Ia jelas bahawa, usaha dakwah yang dilakukan perlu diiringi dengan jati diri yang utuh agar semangat dakwah akan terus kekal berpanjangan dan usaha menyebarkan Islam dapat dilaksanakan dengan jaya.

5. Rujukan

- 'Abd Allah Khayyat. (t.t). Tafsir al-Muyassar. Jeddah: Maktabah al-Najjah.
- 'Abd al-Rahman b. Abi hatim. (2006). Tafsir Ibn Abi Hatim. Lubnan : Dar Kutub al-'ilmiyyah.
- 'Abd al-Rahman Nasir al-Sa'di. (2002). Taysir al-Karim al-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Manan. Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- 'Abd Allah b. Ahmad bin Mahmud al-Nasafi. (1998). Tafsir al-Nasafi Madarik al-Tanzil Wa haqaiq al-Takwil. Beirut: Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Abi Muhammad al-Husain al-Baghawi . (2002). Tafsir al-Baghawi Ma'alim al-Tanzil. Lubnan : Dar Ibn Hazm.
- Al-Tabari. (2014). Jami' al-Bayan 'An Takwil Ai al-Quran. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Mohamad Said. (2009). Jati diri dan Psikik Melayu. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.
- Fakhr al-Din al-Razi. (1981). Mafatih al-Ghaib. T.tp: Dar al-Fikr.
- Imam Mashudi Latif. (2016). Aspek-Aspek Kecerdasan Spiritual Dalam Konsep Pendidikan Nabi Ibrahim AS. Jurnal Sumbula, Volume 1, Nombor 2, Julai-Disember. 1-24.
- Husna Husain. (2018). Pendekatan Dakwah Terhadap Ahli Keluarga Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim A.S. Journal al-'Abqari. Vol. 16 (Special Edition). 105-120.
- Ibn Kathir. Al-Misbah al-Munir Fi Tahzib Tafsir Ibn Kathir. (2006). Terj Syafiyurrahman al-Mubarakfuri. Saudi: Dar al-Salam li al-Nasr wa al-Tauzi'.
- Ismail Ansari. (2011). Metodologi Pendidikan Al-Ibrah Dalam Al-Qur'an: Kajian Historis-Paedagogis Terhadap Kisah Nabi Ibrahim Dalam Surat Maryam Ayat 42- 48 Jurnal Ilmiah Didaktika Ogos 2011. Vol. Xii No. 1, 43-58

Mansur bin Muhd b 'Abd al-jabbar al-Sam'ani. (1997). Tafsir al-Quran. Riyad: Dar al-Watan al-Nasr.

Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip et al. (2015). Pembinaan Kesahan dan Kebolehpercayaan Inventori Spiritual Imam al-Ghazali. Jurnal Bitara Edisi Khas Psikologi Kaunseling 8.

Mohammad Ghozali dan Nor 'Azzah Kamri. (2015) Keperibadian Islam dan Profesionalisme Dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis. *Jurnal Syariah* 23.

Muhammad al-Husain b. Mas'ud al-Baghawi (2002). *Ma'alim al-Tanzil*. Lubnan : Dar Ibn Hazm.

Muhammad Alihanafiah Norasid dan Mustaffa Abdullah (2013). "Manhaj Tarbiyah Rabbaniyyah oleh Sa'id Hawwa dalam Pembangunan Modal Insan: Tumpuan kepada karya Al-Asas Fi al-Tafsir," dalam *Dimensi Islam Dalam Penyelidikan Kontemporari*, ed. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff et al. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Muhammad b Ahmad b Abi Bakr al-Qurtubi. (2006). Al-Jami' li Ahkam al-Quran. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Muhammad Fuad Abd al-Baqi. (2001). Mu'jam Mufahras Li Alfaz al-Quran. Kaherah: Dar al-Hadith.

Mustafa Rajab (2008). Fi Huwiyah al-Tarbiyyah al-Islamiah wa Manhajituha. Medan: tp.

Mohamed Sabir. (2018). Cabaran Dakwah 25 Rasul. Selangor: Aras Mega Sdn Bhd.

Nasr bin Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim al-Samarqandi. (1993). Bahr al-'Ulum (Tafsir al-Samarqandi). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah

Kamus Dewan. (2015) ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Qurrotol Ainiyah. (2017). Strategi Dakwah Nabi Ibrahim Dalam Perspektif Pembelajaran Saintifik. Murobbi: Jurnal Ilmu Pendidikan. Volum 1 no 2 2017. 78-102.

Rohaily @ Abd Rahman Abd Hamid & Nor Raudah. (2018). Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim AS menurut al-Quran dan Aplikasinya Dalam Dakwah Masa Kini. Jurnal Usuluddin 46 (1) 2018. 23-44.

Syaari Ab Rahman. (2019). Di Bawah Teduhan Kisah-kisah al-Quran. Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.

Wan Nor Adibah bt Wan Ahmad (2015). Pembentukan Jati diri Muslim Melalui Pengamalan Modul Sahsiah Unggul Murid Di Hulu Langat Dan Sepang Selangor. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainol Hasan. (2017). Nilai-Nilai Pendidikan Islam Pada Kisah Nabi Ibrahim. Nuansa, Vol. 14 No. 2 Julai – Disember 2017. 421-450

Zulkiple Abd Ghani dan Nor Salimah binti Abu Mansor. (2006). Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Imam al-Ghazali .t. tp: tp.